



Oleh Hariyati Ariffin

Terlerai kasih kerana enggan ubah sikap

Isu perceraian dalam kalangan masyarakat Islam di Selangor yang menjadi topik utama akhbar tempatan seminggu lalu, bukanlah isu baru bagi penulis. Ini kerana lima tahun lalu penulis membuat kajian sama mengenai tajuk ini yang turut dibentangkan dalam satu Seminar Kebangsaan Polisi keluarga Malaysia anjuran LPPKN dan Universiti Putra Malaysia pada 2011.

Memang tidak dapat dinafikan statistik perceraian ketika itu meningkat setiap tahun dan sebab bercerai yang remeh dan tidak masuk akal memang menjadi punca perceraian. Ada antaranya bercerai kerana suami atau isteri yang pengotor dan masalah bau badan serta perkara kecil seperti berus gigi, enggan jaga anak sakit dan berebut siaran TV dan sebagainya. Tidak kurang juga yang disebabkan media sosial seperti Facebook serta aplikasi 'chatting' yang tersenarai sebagai perosak rumahtangga hingga membawa perceraian.

Malah, kajian penulis turut mendapati media sosial banyak menyebabkan kecurangan dalam rumahtangga seperti iklan yang berbunyi: "Hanya klik 'download' semuanya di hujung jari anda" Mencari rakan lama dan kekasih lama juga mudah dengan 'apps' zaman sekarang. Bila sudah bertemu, niat hanya nak tahu perkembangan kekasih lama menjadi sebaliknya. Interaksi semudah di hujung jari ini juga boleh mengongcang rumahtangga hingga membawa perceraian.

Terkini pula, antara sebab bercerai yang remeh didedahkan di akhbar melalui fakta yang didapati daripada Jabatan Kehakiman Syariah Selangor seperti pasangan bangun tidur lewat, isteri lambat menyediakan makanan, isteri menceritakan kehebatan melakukan hubungan seks dengan pasangan terdahulu, suami tak suka isteri makan dalam kereta dan sebagainya menunjukkan betapa rapuhnya institusi perkahwinan masa kini.

Jelas sekali betapa mudahnya pasangan bercerai hanya kerana isu dan perkara kecil yang boleh sahaja dihindari dan dimaafkan oleh pasangan. Penulis berpendapat sebab remeh yang diberikan oleh pasangan bukan sebab utama mereka bercerai. Kemungkinan ada sebab lebih besar yang mendorong perceraian berkenaan. Punca perceraian yang remeh ini hanya untuk memudahkan proses perceraian, walhal mungkin banyak lagi sebab tersirat tidak diceritakan pasangan kerana me-



reka sudah tidak tahan lagi untuk hidup sebumbung.

Dalam kajian penulis lima tahun lalu, sebab yang membawa perceraian berpunca daripada sikap. Ada pasangan tidak mahu berubah dan masih degil untuk meneruskan sifat dan peribadi buruk yang membuatkan pasangan sudah tidak tahan untuk tinggal bersama. Umpamanya sifat pengotor dan pemalas isteri atau suami boleh memberi kesan terhadap hubungan suami isteri dan menjadikan perkahwinan semakin hambar. Bayangkan jika setiap hari suami atau isteri terpaksa berhadapan dengan pasangan yang tidak mahu mengubah sikap pengotor, pemalas dan menjijikkan sekali gus boleh menjejaskan rasa kasih sayang kerana kedegilan mereka yang berterusan.

Begini juga jika sikap panas baran suami dan masalah isteri yang suka memebel dan menjaja kisah 'dalam kelambu' sehingga memalukan pasangan adalah satu sebab yang boleh memberi tekanan dalam hidup berumah-tangga. Tidak dinafikan manusia belajar daripada kesilapan diri dan boleh berubah jika mereka mahu. Namun, ada pasangan yang sangat ego yang tidak mahu memperbaiki keadaan dan kesilapan diri serta berterusan mengamalkan atau membuat sesuatu yang tidak disukai oleh pasangan walau sudah dinasihati berkali kali.

Mungkin ada pasangan sabar yang boleh menerima sikap buruk suami atau isteri untuk berpuluh tahun. Namun, manusia ini tak sama. Ada yang beranggapan hidup ini bukan untuk terus men-

derita jika pasangan degil dan tetap tidak mahu berubah. Mereka berhak mencari kebahagiaan lain walau hakikatnya perceraian akan membuatkan beberapa pihak terluka dan menderita khususnya anak anak. Ada juga berpendapat berpisah adalah jalan terbaik bagi mereka untuk mencari haluan hidup kerana hidup bersama adalah satu penyiksaan.

Natijahnya perkahwinan adalah perkongsian hidup, rasa tanggungjawab dan satu ikatan kasih sayang yang diharap dapat berkekalan sehingga akhir hayat. Hakikatnya manusia berkahwin untuk mencari kebahagiaan dan membina keluarga yang bahagia. Tidak ada manusia mahu berkahwin untuk menderita dan menanggung rasa sakit hati sepanjang hayat.

Walau secara mata kasar kita melihat punca perceraian ini nampak remeh, namun mungkin mereka yang mengalaminya sudah tidak boleh lagi menerima pasangan kerana telah lama bersabar dan pasangan tidak mahu berusaha memperbaiki diri dan cuba menyakinkan suami atau isteri yang mereka mampu berubah demi kebaikan bersama. Oleh itu, perkahwinan bukan hanya untuk melepaskan nafsu semata-mata, tetapi ia perkongsian hidup untuk memperbaiki peribadi, saling kasih-sayang, melaksanakan tanggungjawab serta mencari kebahagiaan hidup dengan keredaan Allah.

**Penulis Pensyarah Kanan
Fakulti Komunikasi dan
Pengajian Media
UiTM Shah Alam**